



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA,
JABATAN OPERASI SETEM & CKHT,
ARAS 6, MENARA HASIL,
PERSIARAN RIMBA PERMAI,
CYBER 8,
63000 CYBERJAYA SELANGOR.

Telefon: 03-83138888
FAX: 03-83137855
<http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LHDN.BA.B.600-10/2/3
Tarikh : 27 Julai 2023

Presiden
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
B-13-1, Block B Unit 1-5), 13th Floor
Megan Avenue II
12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 KUALA LUMPUR.

Tuan,

**MAKLUMAN PENAMATAN PENGGUNAAN SETEM PELEKAT (SETEM HASIL)
SEBAGAI KAEDAH PENYETEMAN DI KAUNTER DUTI SETEM LEMBAGA
HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA DAN PEJABAT SETEM DAERAH**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Setem pelekat merupakan salah satu kaedah yang diperkenalkan untuk urusan penyeteman dokumen / perjanjian melalui penggunaan Setem Hasil sejak tahun 1957. Melalui kaedah ini, pembayar duti perlu mendapatkan Setem Hasil terlebih dahulu di pejabat pos yang telah dilantik sebagai ejen penjualan setem dan hadir ke kaunter duti setem Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk pembatalan setem tersebut.

3. Selaras dengan saranan kerajaan bagi menggalakkan digitalisasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan khususnya kepada pembayar duti, LHDNM telah mengambil inisiatif untuk memperkasa dan melaksanakan penyeteman secara dalam talian sepenuhnya melalui sistem sedia ada iaitu Sistem Taksiran Dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS). Oleh itu, penggunaan Setem Hasil di semua kaunter duti setem LHDNM dan Pejabat Setem Daerah akan ditamatkan berkuatkuasa mulai **01 Januari 2024**.

4. Pembayar duti dibenarkan untuk menggunakan Setem Hasil bagi urusan penyeteman dokumen / perjanjian sehingga **31 Disember 2023** sahaja dan dinasihatkan untuk menghabiskan Setem Hasil yang berada dalam simpanan. Baki Setem Hasil yang tidak digunakan tidak boleh dibayar balik atau diganti dengan wang tunai. Dimaklumkan juga pindaan kepada Akta Setem 1949 akan dibuat bagi menjelaskan bahawa dokumen / perjanjian yang disetamkan menggunakan kaedah Setem Hasil selepas tarikh ini adalah tidak sah sebagai bukti penyeteman.

...2/-


5. Sehubungan dengan itu, permohonan dan pembayaran duti setem perlu dilakukan secara dalam talian melalui STAMPS dengan menggunakan permohonan ID Pengguna di pautan <https://stamps.hasil.gov.my>. Bayaran duti setem perlu dibuat menggunakan medium FPX atau *Bill Payment* (CIMB Bizz Channel / Public Bank) di pautan yang sama. Sijil Setem / Resit Rasmi Setem akan dijana untuk tujuan pengesahan bayaran duti setem yang dibuat melalui STAMPS.

Perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


[ZALEHA BINTI ADAM]
Pengarah
Jabatan Operasi Setem & CKHT
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.